



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN)
KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
Sebutharga LPP (HQ) Bil. 11/2023 MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJICUBA SISTEM FERTIGASI TITIS DAN HIDROPONIK UNTUK PROGRAM KEBUNITI MADANI	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG 070303 (PERTANIAN, PERHUTANAN DAN TERNAKAN) - PERALATAN DAN KELENGKAPAN PERTANIAN	RM 50.00	13 September 2023 (Rabu)

Dokumen Sebutharga boleh didapatkan di alamat berikut pada waktu pejabat jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **06 September 2023 (Rabu)**

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL DAN SATU SALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** dan sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. Satu Salinan hendaklah diserahkan untuk simpanan Lembaga Pertubuhan Peladang sebelum dibenar membeli dokumen sebutharga.

Bayaran hendaklah dibuat dengan **pembayaran secara dalam talian (internet banking – instant transfer sahaja)** atas nama **LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen **Set A** (Tawaran Harga) dan **Set B** (Tawaran Teknikal) serta dicatatkan nombor tender di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum atau pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 06 September 2023 (Rabu)


AZLINI BINTI ABDULLAH
Ketua Cawangan Perolehan
Bahagian Kewangan
Lembaga Pertubuhan Peladang